

5 elemen jayakan revolusi tandas

PETALING JAYA: Revolusi tandas akan digerakkan secara meluas bagi menerapkan amalan menjaga kebersihan di kalangan masyarakat sebagai persediaan menyambut Tahun Melawat Malaysia 2007, kata Datuk Seri Najib Razak.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri menggariskan lima elemen penting bagi menjayakan kempen berkenaan, iaitu:

- Meningkatkan kesedaran awam.
- Membangunkan tandas contoh.
- Mengetatkan penguatkuasaan.
- Menggajikakitanganyang memementingkan kebersihan, dan
- Mendidik generasi muda dengan kerjasama Kementerian Pelajaran untuk mematuhi piawaian kebersihan tandas.


"Pelaksanaan lima elemen yang komprehensif itu bukan saja untuk meningkatkan tahap kebersihan tandas awam dan komersial, malah bagi membuktikan ketinggian nilai tamadun bangsa kita," katanya selepas merasmikan Ekspo dan Forum Tandas Kebangsaan di sini, semalam.

Program yang pertama kali diadakan itu dianjurkan Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia (QRAM) dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Lebih 40 syarikat menyertai ekspo itu yang mempamerkan pelbagai jenis peralatan untuk tandas awam, pejabat dan kediaman, termasuk yang harganya yang mencecah RM15.000.

Turut hadir, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, timbalannya yang juga Pengerusi QRAM, Datuk Robert Lau Hoi Chew dan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kebersihan dan Kesihatan berkata, kem-



PUPIK KESEDARAN: Najib dan Ong Ka Ting bergambar bersama maskot selepas merasmikan Ekspo dan Forum Tandas Kebangsaan di Petaling Jaya, semalam.

Lima elemen revolusi tandas

- Meningkatkan kesedaran awam.
- Membangunkan tandas contoh.
- Mengetatkan penguatkuasaan.
- Menggaji kakitangan yang memementingkan kebersihan, dan
- Mendidik generasi muda dengan kerjasama Kementerian Pelajaran untuk mematuhi piawaian kebersihan tandas.

pen itu dapat membantu industri pelancongan negara yang bakal menyambut kedatangan lebih 20.1 juta pelancong tahun depan.

Malah, beliau berkata, pada peringkat antarabangsa, kualiti tandas awam diiktiraf sebagai sumbangan besar kepada industri pelancongan kerana ia menggambarkan imej sesebuah negara.

"Jika perlu diperketatkan peruntukan undang-undang, kita akan lakukan, bagaimanapun yang penting adalah komitmen dari segi penguatkuasaan dengan tegas.

Najib berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pemilik premis wajar memberi tumpuan untuk menyelenggara tandas yang menjadi tang-

gungjawab mereka.

"Jika ada kedai tetapi tidak jaga kebersihan tandas, kita boleh ambil tindakan membatalkan lesen, manakala bagi PBT pula tumpuan terhadap penyelenggaraan tandas awam perlu ditingkatkan. dengan mendirikan tandas contoh, jika tidak teguran dibuat kepada PBT terbabit katanya.

Beliau berkata, revolusi tandas berkenaan juga diharap dapat mencetuskan kesedaran bukan saja terhadap aspek kebersihan, malah mewujudkan suasana tandas selesa, indah dan harum, selain landskap yang menarik.